

Biografi penuh makna

Oleh ZIN MAHMUD
(WARTAWAN UTUSAN)

u.m m/s 11 26.3.07

TAHUN ini ketika negara yang menyambut ulang tahun kemerdekaannya ke-50, sebuah buku biografi penuh makna bakal diterbitkan dalam masa dua bulan lagi.

Mengingatkan bahawa negara bukan dibina oleh pemimpin-pemimpin utama semata-mata, maka biografi yang memaparkan kisah hidup dan keperibadian Timbalan Perdana Menteri Malaysia kedua, Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman akan memberikan perspektif segar mengenai perjuangan kemerdekaan dan pembinaan negara.

Biografi Dr. Ismail yang meninggal dunia pada 2 Ogos 1973 akan menunjukkan betapa beliau mempunyai keperibadian tegas dalam soal urus tadbir negara yang baik. Beliau tidak akan bertolak ansur dalam soal-soal penyelewengan, rasuah atau pembaziran. Malah baginya, urus tadbir negara yang baik mesti didahulukan serta diutamakan berbanding pembangunan itu sendiri.

Buku bertajuk *Bukan Kerana Pangkat: Tun Dr. Ismail dan Masanya* itu adalah terjemahan kepada *The Reluctant Politician: Tun Dr. Ismail and His Times* yang diterbitkan Disember tahun lalu dan pelancarannya dilakukan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam pada Khamis lalu.

Penulis buku ini ialah Dr. Ooi Kee Beng, Fellow Institut Kajian Asia Tenggara (ISEAS) Singapura berdasarkan kepada koleksi kertas yang diserahkan oleh anak Allahyarham Dr. Ismail, iaitu Tawfik Tun Dr. Ismail.

Ooi melengkapkannya dengan penyelidikan serta wawancara saudara mara Dr Ismail dan tokoh-tokoh yang mengenalnya termasuk Allahyarham Tun Ghafar baba, Tun Musa Hitam, Tengku Razaleigh Hamzah, Robert Kuok, Lee Kuan Yew dan Tan Sri Ghazali Shafie, iaitu berjumlah sehingga 50 orang.

Penulisan yang mengambil masa 15 bulan ini memaparkan peristiwa mengenai perjuangan menuju kemerdekaan, hubungan Malaysia dengan Singapura, asal-usul falsafah keserantauan Asia Tenggara, konflik dalaman UMNO, hubungan MCA-UMNO, masalah kesihatan Allahyar-

Beliau tidak akan bertolak ansur dalam soal-soal penyelewengan, rasuah atau pembaziran. Malah baginya, urus tadbir negara yang baik mesti didahulukan serta diutamakan berbanding pembangunan itu sendiri

ham Tun Razak, rusuhan 13 Mei dan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Sementara *The Reluctant Politician* diterbitkan oleh ISEAS, buku *Bukan Kerana Pangkat* diterbitkan oleh ISEAS bersama Pusat Maklumat Strategik dan Pembangunan Penyelidikan (SIRD) Kuala Lumpur.

ISEAS disifatkan sebagai pusat penyelidikan sejarah, politik dan sosial Asia Tenggara paling berwibawa. Perpustakaanya dikenali sebagai terbaik bagi kajian Asia Tenggara. Koleksi kertas peribadi Dr. Ismail menambahkan lagi kekayaan khazanahnya.

Sementara SIRD pula dikenali sebagai penerbit buku isu-isu politik dan sejarah Malaysia meliputi hal ehwal gerakan kiri.

Kerjasama

Apa yang menarik tentang buku ini ialah kerjasama penerbitannya yang melibatkan daripada kedua-dua pihak dari Malaysia dan Singapura. Walaupun penulisnya, Kee Beng ialah seorang warganegara Singapura, tetapi beliau adalah kelahiran Pulau Pinang dan memperoleh ijazah kedoktoran falsafah di Stockholm dalam bidang Sinologi (Kajian Tamadun China).

Beliau yang bidang penyelidikannya meliputi falsafah bahasa, falsafah China, pembinaan negara dengan fokus kepada Malaysia, ekonomi politik dan falsafah sains itu bertanggungjawab terhadap Program Kajian Malaysia di ISEAS.

Bagaimanapun, apa yang membolehkan ISEAS menerbitkan *The Reluctant Politician* ialah dorongan kuat daripada Pengarah ISEAS, K. Kesavapany, bekas Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia.

Beliau juga walaupun warganegara Singapura adalah kelahiran Malaysia iaitu di Kuala Lumpur. Antara buku tulisan beliau ialah *Malaysia-Singapore Relations under Abdullah*.

Penterjemahan *The Reluctant Politician* untuk dijadikan *Bukan Kerana Pangkat* dilakukan oleh Bashir Basalamah, seorang

warga Singapura. Bagaimanapun, penerbitnya, SIRD dan pengedarnya di Malaysia, Gerakbudaya berpusat di Kuala Lumpur.

Hubungan Malaysia-Singapura yang tercermin dalam usaha penerbitan buku ini turut terlihat semasa pelancaran *The Reluctant Politician* yang dilakukan di Danga Bay, Johor Bahru di mana tetamu-tetamu dari Singapura turut hadir.

Adalah menarik juga betapa Musa yang melancarkan *The Reluctant Politician* adalah juga Ahli Majlis Penasihat Wilayah Pembangunan Iskandar. Di wilayah ini, negara akan menyaksikan kerjasama yang bertambah dalam bentuk pelaburan dari Singapura.

Musa dan Dr. Ismail mempunyai persamaan dari segi kedudukan kedua-duanya sebagai orang yang pernah menyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri dan juga merupakan tokoh politik UMNO Johor yang berpengaruh.

Musa dalam ucapan pelancaran buku itu menganggap dirinya sebagai pengkagum Allahyarham Dr. Ismail. Beliau menyatakan betapa Allahyarham berusaha keras untuk mewujudkan pelabuhan dan lapangan terbang Johor Bahru.

Kedua-dua infrastruktur di Johor itu dilihat sebagai menampung limpahan ekonomi dari Singapura. Johor pula diharapkan dapat memanfaatkan apa saja kemajuan pembangunan yang berlaku di republik itu.

Menurutnya, Allahyarham tidak mempunyai masalah apa yang disebut sebagai "Sindrom Singapura." Apa yang dimaksudkan mungkin ialah perasaan takut atau bimbang kepada Singapura.


Beliau juga menyebut betapa rakan seawat Allahyarham di pihak Singapura pada masa zamannya, iaitu Dr. Goh Keng Swee juga tidak mempunyai masalah "Sindrom Malaysia", iaitu takut atau bimbang kepada Malaysia.

Keng Swee bagaimanapun adalah kelahiran Melaka.

Dalam hal ini, Musa melihat bagaimana

BUKAN KERANA PANGKAT

Tun Dr. Ismail dan Masanya



Ooi Kee Beng

Wilayah Pembangunan Iskandar boleh dianggap sebagai usaha yang dapat didedikasikan kepada wawasan Dr. Ismail terhadap negara ini.

Kee Beng pula menyatakan Dr. Ismail dan Musa adalah kedua-duanya anak Johor Bahru yang terbesar dalam persekitaran budaya campuran dengan berada hampir pada Singapura yang rancak dan menarik.

"Buku ini akan mengingatkan rakyat Malaysia tentang kepentingan Johor Bahru dalam proses pembinaan negara Malaysia.

"Penyelidikan yang saya lakukan untuk buku ini secara besar mengubah pandangan saya mengenai banyak perkara, dan ia membaharui optimisme saya terhadap masa depan Malaysia, dan juga hubungan Malaysia dengan jiran-jirannya," kata Kee Beng.